

Um (Hello kampus) Rabu

23/4/14

UMP anjur syarahan data digital hari ini

KUANTAN 22 April -
Universiti Malaysia
Pahang (UMP) akan
menganjurkan Majlis
Syarahan Umum Profe-
sor berkaitan dengan
data digital di Dewan As-
taka Kampus Gambang
di sini esok.

Pegawai Perhubun-
gan Awam dan Media
UMP, Mimi Rabita Abdul
Wahit berkata, ceramah
tersebut akan bermula
pukul 2.30 petang yang
akan disampaikan oleh
pensyarah universiti itu,
Prof. Dr. Jasni Mohamad
Zain.

Menurutnya, tujuan
diadakan program itu
adalah seiring perkem-
bangan teknologi secara
digital meliputi pelbagai
isu serta permasalahan
perlu dihadapi serta di-
tangani dengan berke-
san.

Tambahnya, salah
satu isu yang sering men-
jadi perbincangan adalah
berkaitan keselamatan
dan ketulenan data khu-
susnya data-data berben-
tuk digital.

"Data digital yang
terdiri daripada pelba-
gai bentuk seperti imej,
teks, audio dan video
telah banyak diguna-
kan oleh pelbagai pihak
dalam bidang seperti
perubatan, pendidikan,
politik, sehinggalah ke-
pada hiburan.

"Melalui kemudahan
teknologi dan perisian
sokongan di samping kre-
ativiti yang mendalam,
terdapat pihak yang
menyalahgunakan ke-
mudahan tersebut iaitu
pengubahsuaian terha-
dap data dilakukan demi
kepentingan peribadi
mahupun kewangan,"
katanya dalam kenyat-
aan, di sini hari ini.